

SOALAN NO: 31

ada kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih sekurang-kurangnya 3G.

Sehingga kini, sebanyak 10 menara komunikasi baharu telah dibina dan diaktifkan di Parlimen Baling, manakala tambahan 3 lagi menara komunikasi sedang dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap pada suku pertama 2018.

Selain itu, sebanyak 32 menara komunikasi sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G di Parlimen Baling, manakala 3 lagi menara komunikasi sedang dalam peringkat penaiktarafan yang dijangka siap pada suku pertama 2018.

Kesemua inisiatif ini adalah tambahan kepada 31 menara komersial yang telah dibina dan beroperasi dengan liputan sehingga 4G di Parlimen Baling.

Pihak Kerajaan akan mengkaji keperluan dan kesesuaian lokas-lokasi lain di sekitar Parlimen Baling bagi membina lebih banyak menara-menara tambahan bagi menampung keperluan penduduk kawasan luar bandar dan pedalaman termasuklah Parlimen Baling.

Soalan (32)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30 OKTOBER 2017
[ISNIN]

DARIPADA : YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]

SOALAN :-

YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah benar dakwaan pembangkang mengatakan Kerajaan hanya mampu membina 5,000 unit rumah mampu milik sedangkan janji Kerajaan sebanyak 50,000 unit.

71

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan pembangkang mengatakan Kerajaan hanya mampu membina 5,000 unit rumah mampu milik adalah tidak benar. Sasaran yang telah ditetapkan oleh Kerajaan adalah untuk membina 1 juta RMM melalui **Program 1 Juta Rumah Mampu Milik** di seluruh negara untuk tempoh 5 tahun dari tahun 2013 hingga 2018.

Dari 1 Januari 2013 sehingga 30 Oktober 2017, status keseluruhan pelaksanaan **Program 1 Juta RMM** di seluruh negara adalah seperti berikut:-

BIL	STATUS PERLAKSANAAN	BIL. UNIT
1	SIAP	253,211
2	DALAM PEMBINAAN	291,625
3	DALAM PERANCANGAN	590,164

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017